

SISTEM BAHASA (20 soalan objektif)

Isikan jawapan diruang yang telah disediakan

Lengkapkan ayat-ayat dibawah ini dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Tindakan tersebut _____ akan dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat supaya menjaga alam sekitar.
A. sebetul-betulnya
B. sebenar-benarnya
C. seboleh-bolehnya
D. sekurang-kurangnya

Soalan 2 berdasarkan gambar di sebelah ini.



2. Beberapa _____ serai hidup subur di tepi pagar rumah Mak Ngah Tipah.
A. gugus
B. tandan
C. rumpun
D. kelompok
3. Kamal membatalkan niatnya _____ ke bandar kerana basikalnya rosak di tengah jalan.
A. demi
B. untuk
C. tentang
D. hingga
4. Pendayung itu tidak dapat digunakan lagi kerana sudah _____.
A. luluh
B. koyak
C. kemik
D. sompek
5. Perjalanan kakak ke Bandar Miri telah _____ kerana berlakunya tanah runtuh di kilometer 205.
A. terbiar
B. tertutup
C. tergendala
D. terbengkalai

Soalan 6 berdasarkan gambar di sebelah ini



6. Puan Marissa _____ tepung untuk membuat kek bersempena dengan ulang tahun kelahiran anak bongsunya.
A. mengadun
B. mengayak
C. menyaring
D. menggoncang

Soalan 7 hingga 10

Ayat-ayat di bawah ini **mungkin betul** dan **mungkin salah** . Jika **terdapat kesalahan** , kesalahan itu telah ditandakan dengan **A, B** atau **C** dan jika **tiada kesalahan** telah ditandakan dengan **D** . Pilih jawapan yang **paling sesuai** .

7. Peserta-peserta yang menyertai perarakan pada hari sukan sekolah diminta beratur mengikut rumah sukan
A B
masing-masing. Tiada kesalahan.
C D
8. Ayah memuji kesungguhan abang mengusahakan kolam penternakan ikan air tawar sehingga mampu
A B
memperoleh dapatan yang lumayan pada setiap bulan. Tiada kesalahan.
C D
9. “Pakailah kasut yang sesuai dengan kaki kamu supaya kaki kamu tidak sakit,” kata Puan Farah kepada
A B C
anaknya Laila. Tiada kesalahan.
D

Soalan 10 hingga 11

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **huruf condong** dengan betulnya.

10. I Pekerjaan pemuda itu sebagai jurutera mekanikal sungguh *mencabar*.
II Datuk Sani *mencabar* Ilyasa supaya membawa perkara itu ke mahkamah.
III Ujian ini diadakan bertujuan untuk *mencabar* kecerdasan minda murid.
IV Pasukan Lokman berjaya *mencabar* pasukan lawan sebelum perlawanan terakhir.
- A. I dan II sahaja
B. III dan IV sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. II, III dan IV sahaja
11. I Ayah terkejut apabila enjin keretanya *berhenti* secara tiba-tiba.
II Kelly *berhenti* kerja di syarikat itu kerana dia menghadapi masalah kesihatan.
III Puan Mega *berhenti* keretanya di tepi jalan kerana hendak membeli buah
IV Projek penternakan ikan air tawar itu *berhenti* kerana masalah yang tidak dapat dielakkan.
- A. I dan II sahaja
B. III dan IV sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. II, III dan IV sahaja

Soalan 12 hingga 14

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak. Tandakan A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

12. Baju kebaya yang mereka pakai itu dibuat dari kain songket bermutu tinggi.

- A. mereka pakai itu diperbuat daripada
- B. dipakai oleh mereka itu diperbuat dari
- C. dipakai oleh mereka itu dibuat dari
- D. mereka pakai itu dibuat dari

13. Banyak orang yang sukakan pegawai yang prihatin dan peramah itu

- A. Banyak orang sukakan
- B. Banyak orang menyukai akan
- C. Banyak orang yang suka akan
- D. Banyak orang yang sukakan

Soalan 14 hingga 15

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

14. **Internet banyak faedahnya walaupun sering dikaitkan dengan kesan negatif.**

- A. Internet sering dikaitkan dengan kebaikan dan keburukannya.
- B. Internet mengandungi unsur negatif walaupun banyak kebaikannya.
- C. Internet ada kebaikannya walaupun dikatakan tidak banyak mengandungi kesan negative
- D. Banyak faedah internet meskipun selalu dikaitkan dengan kesan buruk.

15. **Kereta-kereta tempatan menjadi pilihan utama rakyat negara ini kerana harganya lebih murah berbanding dengan kereta import.**

- A. Pilihan utama rakyat negara ini ialah kereta-kereta tempatan yang harganya lebih rendah daripada kereta import.
- B. Kereta import lebih rendah harganya daripada kereta-kereta tempatan yang menyebabkan rakyat negara ini kurang membelinya.
- C. Harga kereta-kereta tempatan lebih rendah daripada kereta yang diimport kerana rakyat negara ini lebih suka membelinya.
- D. Rakyat negara ini lebih suka memilih kereta-kereta tempatan dan kereta yang diimport kerana harganya lebih murah.

Soalan 16 hingga 17

Pilih ayat-ayat yang betul

16. I Puan Mei berbual-bual dengan Puan Ida di hadapan rumahnya.

II Nazira dan Lisa pergi ke pekan untuk membeli buku dan alat tulis.

III Pak Hamid sedang membakar sate ayam yang dipesan oleh pelanggan.

IV Pelbagai usaha-usaha dilakukan untuk meningkatkan tahap capai akademik murid-murid sekolah itu.

- A. I dan II sahaja
- B. III dan IV sahaja
- C. I,II dan III sahaja

- D. II, III dan IV sahaja
17. I Iskandar adalah murid yang paling terpinar di kelasnya.
II Setiap ahli-ahli sukan dikehendaki mengikut latihan pada setiap petang.
III Mereka sedang bermesyuarat di dewan utama Hotel Pertama.
IV Selain masalah pelajaran, murid boleh mengadu hal-hal lain kepada guru kaunseling juga.
- A. I dan II sahaja
B. III dan IV sahaja
C. I,II dan III sahaja
D. II,III dan IV sahaja

Soalan 18 hingga 20

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

18. Maksud yang sesuai bagi peribahasa “daripada cempedak baiklah nangka” ialah
- A. sukar membuat pilihan yang terbaik.
B. lebih baik ada daripada tiada langsung.
C. jika tidak ada yang baik, yang kurang baik pun berguna juga.
D. jika hidup mendapat celaan, lebih baik mati mendapat pujian.
19. Peribahasa yang berikut berkaitan dengan sikap seseorang yang melakukan pekerjaan hingga selesai, **kecuali**
- A. alang-alang mandi biar basah
B. alah membeli menang memakai
C. alang-alang berdakwat biar hitam
D. alang-alang menyeluk pekasam, biarlah sampai pangkal lengan.

Firdan: Siapakah sebenarnya yang mencipta mesin pembakar lemak ini?
Azizul: Idea untuk mencipta mesin tersebut ialah idea saya. Dia hanya membantu saya untuk mencipta mesin itu. Walau bagaimanapun, saya tidak menyangka bahawa dia sanggup mengakui mesin itu ciptaannya.

20. Dialog di atas bersesuaian dengan peribahasa
- A. Sambil menyelam minum air.
B. Lembu punya susu, sapi dapat nama
C. Bagaimana acuan begitulah kuihnya
D. Bumi mana yang tidak ditimpa hujan.